

Headline	Kad debit bantu peserta e-Kasih berbelanja		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	21 Nov 2013	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	2	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	438 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 995
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,985



Kad debit bantu peserta e-Kasih berbelanja

CHRISTINA ULAU

KUCHING, Rabu — Lebih 2,000 peserta yang mendaftar dalam data e-Kasih negeri akan dikemukakan untuk menyertai program MyKasih tahun depan.

Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga, Datuk Hajah Fatimah Abdullah berkata, MyKasih adalah sebuah program bantuan makanan menerusi pembelian barangan menggunakan kad debit.

"Dalam program ini, setiap isi rumah akan menerima satu kad khas MyKasih yang mempunyai nilai RM100 untuk sebulan yang bertindak seperti kad debit untuk digunakan membeli barangan keperluan harian," katanya sambil memberitahu program itu diasaskan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), MyKasih Foundation.

Menurut Fatimah, peserta akan menggunakan kad debit berkenaan untuk membayar

barangan yang dibeli dan rekod pembayaran itu akan terus diterima oleh ibu pejabat MyKasih Foundation dan penderma.

"Wang yang dimasukkan dalam kad debit khas berkenaan adalah hasil sumbangan orang awam (penderma), ini bermakna, setiap rekod pembayaran yang dilakukan oleh peserta program turut diterima oleh penderma," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas menerima kunjungan hormat daripada MyKasih Foundation di pejabatnya di sini, hari ini.

Kata Fatimah, MyKasih turut melakukan program pembangunan lain iaitu program keusahawanan untuk golongan ibu; pepadanan pekerjaan dengan kemahiran dan minat; program pendidikan untuk anak-anak seperti tuisyen dan seumpamanya.

"Untuk permulaan, kita akan mengemukakan senarai nama rakyat miskin, mudah miskin, miskin tegar yang didaftarkan dalam data e-kasih kepada MyKasih Foundation yang sebelum ini tidak pernah menerima sebarang bantuan," tegasnya.

Justeru, kata Fatimah, kad debit khas tersebut mempunyai cip khas sama seperti kad kredit biasa lain.

Sementara itu, Pengarah Urusan MyKasih Foundation, Jeffrey Perera berkata, pertubuhan berkenaan sudah melaksanakan projek perintis di Long San, Long Keluan, Lesong Laku yang melibatkan kira-kira 300 orang daripada masyarakat Penan baru-baru ini.

"Dana kita untuk program ini adalah daripada sektor swasta dan orang awam, manakala sasaran peserta program pula adalah isi rumah berpendapatan

sebanyak RM1,500 sebulan ke bawah," ujarnya.

Katanya, peserta akan terlibat dalam itu selama setahun dan dalam tempoh berkenaan, peserta akan dilatih dengan kemahiran tertentu bagi membolehkan mereka membangun diri dan keluarga.

Hadir sama, Menteri Muda Kebajikan, Robert Lawson Chuat Vincent, Menteri Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak, Rosey Yunus dan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS), Noriah Ahmad.

Headline	Kad debit bantu peserta e-Kasih berbelanja		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	21 Nov 2013	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	2	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	438 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 995
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,985



SIDANG MEDIA ... Menteri Keba-
jikan, Wanita dan Pembangunan
Keluarga, Datuk Hajah Fatimah
Abdullah mengadakan sidang
media selepas menerima Kunjun-
gan Hormat daripada MyKasih
Foundation di Kuching, semalam.